

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB DEPOSIT DELIGHT”

Kempen “PB Deposit Delight” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)] (“PBB”). Terma dan syarat di bawah (“Terma dan Syarat”) akan mengawal Kempen ini: -

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan termasuk bukan pemastautin (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Bagi akaun yang dibuka oleh ibu atau bapa/ penjaga bagi pihak kanak-kanak, Peserta yang Layak ialah ibu atau bapa/ penjaga yang namanya pertama dalam akaun seperti yang dinyatakan dalam rekod PBB.
- 2.3 Bagi akaun bersama, Peserta yang Layak adalah pemegang akaun yang namanya pertama dalam akaun bersama yang dinyatakan dalam rekod PBB.
- 2.4 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) kakitangan tetap dan/atau kakitangan kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad;
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) individu yang tidak waras;
 - d) individu yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
 - e) individu yang akaunnya dipegang oleh PBB dan/atau PIBB culas atau tidak diselenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Akaun Simpanan yang Layak (“SA yang Layak”) di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:-

Bil.	SA yang Layak*
1	Akaun Simpanan PLUS (PLUS SA)
2	Akaun Simpanan Basic (Basic SA)
3	Akaun Simpanan Basic 55 (Basic 55 SA)
4	Akaun Simpanan 50 PLUS (50 PLUS SA)

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3.2 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap sebagai “Dana Baharu”.

4. Ganjaran Tunai

4.1 Peserta yang Layak dibenarkan untuk memenuhi **SEMUA** kriteria yang berikut (“Kriteria Kelayakan”) semasa Tempoh Kempen untuk berpeluang memenangi Ganjaran Tunai seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah.

- a) membuka atau mengekalkan mana-mana satu SA yang Layak;
- b) mendeposit Dana Baharu minimum dalam mana-mana satu SA yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah; dan
- c) Dana Baharu yang didepositkan itu berjaya diuntukkan oleh PBB untuk tempoh selama tiga (3) bulan (“Deposit yang Diuntukkan”).

Jadual A

Kategori	Deposit Minimum yang Diuntukkan	Tempoh Untukkan	Ganjaran Tunai (RM)
1	RM50,000 dan ke atas	3 bulan	228
2	RM30,000 hingga kurang daripada RM50,000		128
3	RM10,000 hingga kurang daripada RM30,000		38

- 4.2 Bagi setiap bulan kalendar semasa Tempoh Kempen, lima puluh (50) orang Peserta **PERTAMA** yang layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan akan dipilih sebagai pemenang untuk kategori berkenaan.

Bagi mengelakkan keraguan, pemenang akan dipilih berdasarkan tarikh dan waktu untukkan Deposit yang Diuntukkan, yang mana Deposit yang Diuntukkan yang paling awal seperti yang dinyatakan dalam sistem PBB akan ditarafkan lebih tinggi daripada yang kemudiannya.

- 4.3 Bilangan Ganjaran Tunai yang akan diberi di bawah Kempen ini dinyatakan dalam Jadual B di bawah:

Jadual B

Ganjaran Tunai (RM)	Bilangan Ganjaran Tunai Setiap Bulan Kalendar	Jumlah Ganjaran Tunai sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen (3 Bulan)	Jumlah Ganjaran Tunai (RM)
228	50	150	34,200
128	50	150	19,200
38	50	150	5,700
Jumlah	150	450	59,100

- 4.4 Ganjaran Tunai akan diberi atas dasar siapa cepat, dia dapat bagi setiap bulan kalendar untuk setiap kategori.
- 4.5 Setiap Peserta yang Layak hanya layak untuk memenangi satu (1) Ganjaran Tunai setiap bulan kalendar dan sehingga maksimum tiga (3) Ganjaran Tunai (iaitu satu (1) Ganjaran Tunai untuk setiap kategori) sepanjang Tempoh Kempen.

Contohnya:

Pelanggan A memenangi Ganjaran Tunai RM38 di bawah Kategori 3 pada bulan Oktober 2023. Beliau hanya berpeluang memenangi Ganjaran Tunai sebanyak RM228 dan/atau RM128 di bawah Kategori 1 dan Kategori 2 satu kali untuk setiap baki bulan sepanjang Tempoh Kempen.

- 4.6 Ganjaran Tunai akan dikreditkan dalam SA milik Peserta yang Layak dalam tempoh empat (4) bulan selepas berakhirnya tempoh untukkan selama tiga (3) bulan.
- 4.7 Sekiranya Deposit yang Diuntukkan atau mana-mana bahagian daripada SA yang Layak itu dikeluarkan atau dilepaskan sebelum berakhirnya tempoh untukkan atas apa jua sebab, Peserta yang Layak tidak akan layak untuk Ganjaran Tunai.
- 4.8 Peserta yang Layak (termasuk kesemua pemegang akaun bersama, sekiranya Akaun Bersama) dikehendaki menandatangani “Kempen PB Deposit Delight: Surat untuk Pengeluaran Awal (LEU)” sekiranya Peserta yang Layak berhasrat untuk membuat pengeluaran awal daripada Deposit yang Diuntukkan di bawah Kempen ini.
- 4.9 Untukkan hendaklah dibuat oleh cawangan pemegang akaun semasa Tempoh Kempen.
- 4.10 Apa-apa Deposit yang Diuntukkan yang dibuat dalam SA yang Layak menurut Kempen ini bebas daripada bebanan dan tidak akan tertakluk pada apa-apa lien, cagaran, penyerahan hak atau dibenarkan untuk disandarkan bagi apa-apa overdraf atau kemudahan tunai-i, atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.

5. Ganjaran Hadiah

- 5.1 Peserta yang Layak layak untuk mendapat Mata Ganjaran Deposit melalui Deposit yang Diuntukkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual C untuk berpeluang memenangi Ganjaran Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Jadual C di bawah:

Jadual C

Deposit yang Diuntukkan	Mata Ganjaran Deposit
Setiap RM5,000	10

- 5.2 Pelepasan atau pengeluaran awal Deposit yang Diuntukkan tidak layak untuk memperoleh Mata Ganjaran Deposit.
- 5.3 Sekiranya Peserta yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) SA yang Layak, SA yang Layak dengan Mata Ganjaran Deposit tertinggi akan dipilih dan berpeluang untuk memenangi Ganjaran Hadiah.
- 5.4 Dua puluh (20) orang Peserta yang Layak Pertama dengan Mata Ganjaran Deposit **tertinggi** pada akhir Tempoh Kempen akan disenarai pendek untuk memenangi Ganjaran Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Jadual D di bawah:

Jadual D

Kategori Hadiah	Ganjaran Hadiah	Bil. Pemenang
Hadiah Pertama	• Samsung 65” QLED 4KQ70C (QA65Q70CAKXXM)	1
Hadiah ke-2	• Samsung Z Flip 5 (SM-F731BLGEXME)	1
Hadiah ke-3	• Samsung Galaxy Watch 5 Pro (SM-R920NZKAXME)	1
Hadiah Sagu Hati	• PIN Tambah Nilai e-Dompot Boost bernilai RM200	17
Jumlah		20

Peserta yang Layak dengan Mata Ganjaran Deposit tertinggi akan memenangi Hadiah Pertama, Peserta yang Layak dengan Mata Ganjaran Deposit kedua tertinggi akan memenangi Hadiah ke-2 dan seterusnya.

Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya terdapat seri dalam Mata Ganjaran Deposit tertinggi, pemenang akan dipilih berdasarkan turutan menaik mengikut tarikh dan waktu Mata Ganjaran Deposit diperoleh seperti yang ditunjukkan dalam sistem PBB.

- 5.5 Peserta yang Layak yang memenangi Ganjaran Tunai juga layak untuk memenangi Ganjaran Hadiah.
- 5.6 Ganjaran Hadiah diberi atas dasar “seadanya”.
- 5.7 Tiada pilihan warna disediakan bagi Ganjaran Hadiah.
- 5.8 Ganjaran Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 5.9 PBB tidak bertanggungjawab untuk apa-apa cukai atau kos sampingan berkaitan dengan Ganjaran Hadiah ini yang mungkin dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pihak ketiga disebabkan oleh kelayakan Peserta yang Layak kepada Ganjaran Hadiah.
- 5.10 Apa-apa gambar yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan pemasaran lain (“Bahan Pemasaran”) berkaitan dengan Kempen ini semata-mata untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak menunjukkan warna, model atau spesifikasi sebenar Ganjaran Hadiah tersebut. Ganjaran Hadiah tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam Bahan Pemasaran berkenaan.

- 5.11 PBB berhak untuk menggantikan mana-mana Ganjaran Hadiah, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan yang sama nilainya pada akhir Tempoh Kempen.

6. Penghantaran Ganjaran Hadiah

- 6.1 Ganjaran Hadiah yang pertama, ke-2 dan ke-3 (“3 Hadiah Teratas”) akan dihantar ke alamat surat-menyurat pemegang dalam rekod PBB dalam tempoh enam (6) bulan selepas Tempoh Kempen.
- 6.2 Pemberian dan penghantaran 3 Hadiah Teratas itu dikendalikan oleh Tri-E Marketing Sdn Bhd (No. Pendaftaran 200801023827 (825150-M)) yang mempunyai alamat berdaftar di Bilik B13A-4, Menara B, Tingkat 13A, Pejabat North Point, Midvalley City, No. 1 Medan Syed Putra Utara, 59200, Kuala Lumpur dan tempat perniagaan di A-5-35, IOI Boulevard, Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
- 6.3 Tri-E Marketing Sdn Bhd akan berurusan secara terus dengan pemenang bagi penghantaran 3 Hadiah Teratas.
- 6.4 Selepas menerima 3 Hadiah Teratas, pemenang hendaklah memeriksa dan meneliti 3 Hadiah Teratas untuk memastikan tiada kecacatan atau kerosakan tanpa bertangguh. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan Tri-E Marketing Sdn Bhd bagi apa-apa kecacatan, kerosakan atau kehilangan 3 Hadiah Teratas.
- 6.5 Sekiranya 3 Hadiah Teratas tersilap dihantar, cacat atau rosak, pemenang hendaklah membuat aduan kepada Tri-E Marketing Sdn Bhd melalui 03-8076 1313 dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan 3 Hadiah Teratas tersebut. Pemenang hendaklah menyimpan Arahan Penyerahan bagi tujuan rujukan.
- 6.6 Sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan berkaitan dengan penghantaran atau 3 Hadiah Teratas tidak diterima, pemenang hendaklah menghubungi Tri-E Marketing Sdn Bhd melalui nombor telefon yang dinyatakan dalam Perkara 6.5. Tiada permintaan untuk apa-apa pertanyaan akan dilayani selepas 30 Jun 2024.
- 6.7 Hadiah sagu hati akan dihantar melalui SMS dan pemenang akan menerima pin tambah nilai E-Dompet Boost (“Pin Tambah Nilai”) yang akan dihantar ke telefon mudah alih Peserta yang Layak yang didaftarkan dengan PBB atau seperti yang ditunjukkan dalam sistem PBB dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamatnya Tempoh Kempen.

- 6.8 Peserta yang Layak dikehendaki memasukkan nombor pin pada bahagian kod penebusan untuk membolehkan tambah nilai E-Dompet Boost berjaya dibuat.
- 6.9 Pin Tambah Nilai hanya sah untuk satu (1) kali penebusan bagi E-Dompet Boost sebelum tamat tempoh kesahannya.
- 6.10 Pin Tambah Nilai tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit, sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 6.11 Penebusan Pin Tambah Nilai ini juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh Boost Malaysia.

7. Liabiliti dan Tanggungjawab

- 7.1 PBB menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Ganjaran Hadiah. PBB tidak membuat representasi atau jaminan bagi Ganjaran Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Ganjaran Hadiah yang cacat disebabkan oleh kecacatan pada bahan atau pembuatannya oleh pengilang di bawah jaminan atau tidak. Pemenang hendaklah berurusan terus dengan pengilang dan/atau wakil jualan sahnya bagi maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat khusus untuk pemasangan, spesifikasi, penggunaan atau pengendalian Ganjaran Hadiah.
- 7.2 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan kepada Ganjaran Hadiah akan berpindah kepada pemenang selepas Ganjaran Hadiah dihantar kepada Pemenang. PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi atau berkewajipan untuk mengakui atau menggantikan mana-mana Ganjaran Hadiah yang hilang, rosak atau dicuri.

8. Terma dan Syarat Lain

- 8.1 Peserta yang Layak tidak layak untuk Ganjaran Tunai dan Ganjaran Hadiah di bawah Kempen ini sekiranya SA yang Layak ditutup, ditukar, ditangguh, dibatal, ditamat, dorman atau tidak aktif sebelum pengkreditan Ganjaran Tunai dalam SA Peserta yang Layak dan penghantaran Ganjaran Hadiah.
- 8.2 PBB berhak untuk menarik balik Ganjaran Tunai dan Ganjaran Hadiah sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal SA yang Layak dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan ini yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini.

- 8.3 Pertukaran SA yang Tidak Layak kepada SA yang Layak semasa Tempoh Kempen tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 8.4 SA yang Layak yang dirangkaikan kepada kemudahan kredit/ pinjaman/ pembiayaan Peserta yang Layak tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 8.5 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

9. Terma dan Syarat Am

- 9.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal SA yang Layak dan apa-apa terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula pada terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal SA yang Layak dan/atau terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 9.2 Peserta yang Layak bersetuju dan mengizinkan nama, nombor telefon, alamat surat-menyurat dan nombor pengenalan 4 digit terakhir Peserta yang Layak dalam rekod PBB dikemukakan oleh PBB kepada Tri-E Marketing Sdn Bhd bagi membolehkan Tri-E Marketing Sdn Bhd untuk menghantar 3 Hadiah Teratas.
- 9.3 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini.
- 9.4 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan kesemua maklumat Peserta yang Layak yang diberi bagi tujuan Kempen ini.

- 9.5 PBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 9.6 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Ganjaran Hadiah yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 9.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa penghadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 9.8 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 9.9 PBB berhak untuk:
- a) menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan Terma dan Syarat yang dipinda itu akan diterima pakai mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini;

b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung berikutan pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.

9.10 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

9.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB

Ruang Selebihnya pada Halaman Ini Sengaja Dibiarkan Kosong
